

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Sunday, August 25, 2019 3:30 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Peranan Pentadbir Penting Bantu Pengurusan Universiti Capai Kejayaan



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

25 OGOS 2019 / 24 ZULHIJAH 1440H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Suhailawati Mohd Shamsudin
Gambar oleh: PERPATI

PERANAN PENTADBIR PENTING BANTU PENGURUSAN UNIVERSITI CAPAI KEJAYAAN



UUM ONLINE: Peranan Pentadbir di Universiti Utara Malaysia (UUM) adalah penting bagi membantu pihak pengurusan universiti mencapai segala hasrat yang telah ditetapkan.

“Kejayaan demi kejayaan yang UUM capai pada hari ini tidak akan berlaku andai tiada kerjasama dan sokongan daripada Pentadbir di universiti ini.

“Sesungguhnya kejayaan yang dikecapi dan dicipta universiti sekarang berteraskan kerjasama setiap ahli akademik berserta sokongan daripada Pegawai Profesional dan Ikhtisas dalam pelbagai bidang,” kata Pendaftar UUM, Baharudin Yaacob yang mewakili Naib Canselor pada Majlis Perasmian Hari Pentadbir UUM 2019 di Dewan Seminar, Pusat Islam, baru-baru ini.

Beliau berkata, setiap pegawai harus memberikan sumbangan dan komitmen yang tinggi dalam tugas yang diberi kerana hal ini secara tidak langsung memberikan aspek *grooming* dan meningkatkan kompetensi masing-masing demi peningkatan kerjaya.

Menurutnya, seorang pentadbir universiti, sama ada pegawai pengurusan, profesional mahupun ikhtisas perlu menghayati dan mengamalkan moto ‘Ilmu, Budi, Bakti’ dalam melaksanakan tugas dan menjadi pedoman, manakala aspek nilai dan etika pula perlu diperkukuhkan agar tempat bekerja menjadi tempat yang memberi kesejahteraan.

Hari Pentadbir Universiti Utara Malaysia 2019 merupakan program anjuran Persatuan Pegawai Pengurusan dan Profesional (Tadbir dan Ikhtisas) atau PERPATI bersempena Sambutan Hari Pentadbir Universiti Awam yang disambut pada 20 Ogos setiap tahun dan telah dihadiri lebih 120 pegawai profesional dan ikhtisas universiti.

Pada program tersebut turut diadakan sesi pembentangan berkenaan integriti bertajuk ‘Budaya Kerja Berintegriti Organisasi Cemerlang’ oleh Penasihat Undang-undang Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTEM), Datuk Azhar Mohamed.

Selain itu, forum yang menampilkan tiga panel jemputan turut dilaksanakan bagi membicarakan berkenaan ‘*Love, Happiness and Mutual Respect*’ iaitu Mantan Pendaftar Universiti Teknologi MARA (UiTM), Dr. Zahrah Mokhtar; Pakar Psikiatri dari Hospital Pakar Metro Sungai Petani, Dr. Ku Ruslan Ku Ahmad dan Pengarah Jabatan Canselori, Ahmad Rasidi Abdullah.



Please consider the environment before printing this e-mail



AACSB
ACCREDITED



ASSOCIATION
ACCREDITED



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.